

13 SEP 2002

NAZA-KILANG

NAZA LABUR RM350 JUTA BINA KILANG KENDERAAN MPV DI GURUN

GURUN, 13 Sept (Bernama) -- Naza Group of Companies melabur RM350 juta bagi membina kilang pembuatan dan pemasangan kenderaan di Gurun, Kedah, yang bakal mengeluarkan kenderaan pelbagai guna (MPV) nasional serta kilang pemasangan kereta model Kia.

Pengarah Urusannya Tan Sri SM Nasimuddin SM Amin berkata kilang itu yang akan siap dalam masa 18 bulan, mempunyai kapasiti pengeluaran 60,000 unit kenderaan setahun dan menyediakan 2,000 peluang pekerjaan.

Katanya, model utama kenderaan yang akan dikeluarkan kilang itu merupakan MPV di bawah jenama Naza, yang akan dijual di pasaran tempatan dan negara-negara Asean.

Sebagai persediaan untuk mengeluarkan MPV nasional itu yang menggunakan Kia Carnival sebagai "model asas", syarikat berkenaan telah bekerjasama dengan beberapa syarikat pembuat komponen tempatan serta firma penyelidikan tempatan bagi membuat kerja reka bentuk.

"Pada peringkat awal pengeluarannya, MPV nasional itu akan mempunyai 40 peratus komponen tempatan," katanya kepada pemberita selepas majlis pecah tanah kilang pembuatan dan pemasangan Naza Automotive Manufacturing Sdn Bhd, oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Yang turut hadir ialah Duta Besar Republik Korea ke Malaysia Rhee Young Min, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kia Motors Corporation Korea Noi Myung Kim dan Pengerusi Naza Kia Sdn Bhd Tan Sri Abdul Aziz Ismail.

Pada majlis itu juga SM Nasimuddin, mewakili Naza Group of Companies, menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) berhubung pembelian tanah seluas 59 hektar untuk tapak kilang tersebut.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain yang juga Pengerusi PKNK, mewakili perbadanan itu.

SM Nasimuddin berkata kilang itu juga memasang beberapa kenderaan penumpang dan perdagangan secara kenderaan komponen terurai (CKD) di bawah jenama Kia dari Korea, seperti Kia Spectra, Kia Carnival MPV dan beberapa model lagi.

Beliau berkata dengan terdirinya kilang tersebut, beberapa syarikat komponen tempatan dapat mendirikan kilang mereka di kawasan Gurun dan Sungai Petani yang bakal merancakkan aktiviti ekonomi di kedua-dua kawasan terbabit.

-- BERNAMA

MZM MAN NHD